

## **Jawatankuasa bincang isu pengangkutan**

---

KUALA LUMPUR 20 April - Sebuah jawatankuasa kerja bagi membincangkan pelbagai isu berkaitan pengangkutan di seluruh negara termasuk Sabah dan Sarawak berkaitan ditubuhkan oleh Majlis Pengangkutan Nasional, hari ini.

Seri Liow Tiong Lai berkata, jawatankuasa itu akan menjadi platform untuk membincang, mengkaji dan menyelesaikan isu-isu berkaitan pengangkutan termasuk darat, penerbangan, maritim dan sektor logistik yang dihadapi di setiap negeri khususnya Sabah dan Sarawak.

"Majlis Pengangkutan Nasional bersetuju melantik Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat bagi menyelaras semua pelan induk sistem pengangkutan setiap negeri" katanya dalam satu kenyataan di sini, hari ini.

---

**SUMBER : UTUSAN MALAYSIA | M/S: 3 | 21 APRIL 2017**